

Malaysia akan desak CHOGM hasilkan garis panduan keamanan

U.M. 27 SEP 1989

KUALA LUMPUR 26 Sept. — Perdana Menteri berkata, Malaysia akan mendesak supaya dihasilkan garis panduan untuk mewujudkan dunia yang aman damai, mengamalkan kesederhanaan serta mempunyai sistem pasaran terbuka di Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) bulan Oktober ini.

Katanya, penekanan juga akan diberikan untuk mempertingkatkan hubungan yang saling bergantung di kalangan negara - negara ahli dan menjauhkan sikap mengambil kesempatan.

Di samping itu, katanya, Komanwel sendiri akan menyediakan kemudahan untuk memungkinkan negara - negara ahli menjalin kejasama dalam bidang latihan, pentadbiran dan sebagainya.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia sendiri akan mengusulkan tentang perlunya dipertingkatkan kesedaran mengenai pencemaran alam sekitar.

"Kita berharap ia akan menarik perhatian mesyuarat supaya Komanwel dapat membuat pendiriannya sendiri berdasarkan kepada beberapa faktor termasuk kepentingan negara - negara yang bergantung kepadanya," kata beliau dalam sidang akhbar selepas menghadiri mesyuarat mengenai persiapan mesyuarat CHOGM di Pusat

Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Yang turut hadir di mesyuarat tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Yusof Noor, Menteri Penerangan Datuk Mohamad Rahmat, Menteri Kerja Raya, Datuk Leo Moggie, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Elyas Omar, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sallehuddin Mohamed, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Datuk Zaman Khan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Menurutnya, Malaysia berpendapat bahawa persoalan mengenai pencemaran alam sekitar harus dipikul oleh semua negara di dunia khususnya negara-negara kaya kerana dari sanalah datangnya kebanyakan pencemaran.

"Semua negara kaya dan miskin wajib memikul tanggungjawab ini khususnya negara kaya yang tidak langsung berusaha memperbaiki industri masing - masing untuk menjaga pencemaran alam," katanya.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa apa juga yang diketengahkan oleh Malaysia nanti bukanlah untuk kepentingan negara, tetapi demi faedah semua pihak.

"Segala apa yang baik akan turut membantu kita," katanya.

Beliau memberitahu, sehubungan dengan itu, Malaysia yang akan turut menyatakan mengenai persoalan Selatan Selatan akan meminta negara - negara Komanwel menyatakan peranannya mengatasi masalah penyalahgunaan dadah.

"Masalah ini memerlukan tindakan setiap negara ahli Komanwel," tegasnya.

Menjawab pertanyaan pihak akhbar, Perdana Menteri berkata, tanggapan adanya dominasi oleh negara-negara tertentu sebenarnya hanyalah berpunca daripada gambaran yang diberikan oleh pihak akhbar.

"Semua ketua negara akan berucap, tetapi bila yang berucap itu datangnya dari negara kecil, maka ia tidak dicatatkan oleh pihak akhbar," ujarnya.

Dengan memberikan contoh, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu apabila Malaysia menyuarakan tentang isu Antartika di mesyuarat yang lalu, tidak ada pihak yang mengambil peduli, sehinggalah ia diketengahkan kembali oleh sebuah negara besar.

Diminta mengulas kemasukan kembali Pakistan dalam Komanwel, Perdana Menteri memberitahu, Malaysia yang sememangnya mahukan demikian sejak dulu lagi, amat mengalu-alukannya.

Perdana Menteri berkata, beliau juga berhasrat menemui Puan Benazir Bhutto untuk mengadakan perbincangan mengenai kerjasama dua hala